

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang sudah disalurkan ke Sabah untuk tujuan pembaikan/pembinaan baru sekolah-sekolah daif yang banyak di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM552.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk pelaksanaan projek daif tahun 2018, sebanyak 120 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM429.741 juta.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula tiga (3) buah sekolah daif di Sabah. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka. Projek-projek ini dalam peringkat pelaksanaan dokumen tender untuk perolehan.

Selain daripada itu, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 30 Ogos 2019 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM78 juta bagi Pembangunan Semula Sekolah Daif di Sabah di bawah Peruntukan *Private Finance Initiative* (PFI) yang melibatkan 19 buah sekolah di negeri Sabah. Projek-projek ini akan dilaksanakan oleh JKR dan dijangka akan ditender pada Disember 2019.

Bagi memperkasakan penyelenggaraan aset bangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di sekolah dan institusi pendidikan Kerajaan di Sabah, KPM telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM27,490,045.80 kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah pada tahun 2019.

Peruntukan yang disalurkan adalah untuk mengekalkan fungsi aset berkenaan, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala (*periodical maintenance*) dan penyelenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) berdasarkan permohonan daripada JPN Sabah.

Sekian, terima kasih.